



PRIHATIN... Mahadevan (kanan) bertanya sesuatu kepada Saraswathy selepas melawat Santhanasamy, semalam.

Angkara

dendam

KOSMO 27/06/08 M/S 6

Remaja simbah bapa kekasih dengan
cuka getah selepas cinta terlarang

MELAKA: Akibat cinta terhalang, seorang remaja lelaki yang dibuang sekolah mencurahkan cuka getah ke tubuh bapa kekasihnya semata-mata untuk membalas dendam.

Mangsa, M Santhanasamy, 43, yang melecur hampir 80 peratus badan kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Melaka (HM).

Kejadian berlaku awal pagi di rumah mangsa di Taman Saujana Seksyen 3, Bukit Katil, dekat sini, 7 Jun lalu.

Menceritakan kejadian itu, isteri mangsa, M Saraswathy, 38, mendakwa dua remaja lelaki, termasuk seorang yang dikenali anak gadisnya berusia 17 tahun, datang ke rumah mencari suaminya pada tengah malam.

Katanya, dia memberitahu suaminya belum pulang daripada kerja.

"Mereka mengeluarkan kata-kata kesat dan mencabar suami saya datang kerana ada perkara yang perlu diselesaikan.

"Saya terus menghubungi suami untuk memaklumkan cabaran remaja terbabit.

"Beberapa minit selepas itu, suami dan adik ipar lelaki saya tiba di rumah bertemu mereka.

"Dalam pertemuan itu berlaku pertengkaran sebelum kedua-dua remaja terbabit beredar," katanya di HM, semalam.

Bagaimanapun, Saraswathy yang mempunyai tujuh anak berusia antara lapan hingga 18 tahun berkata, pada jam 1.30 pagi, dua remaja terbabit datang semula dan membawa 14 rakan dengan menunggang motosikal

di hadapan rumah sambil memanggil suaminya.

Katanya, mendengar nama dipanggil, suami dan adik iparnya keluar untuk bertemu mereka yang menunggu di luar.

"Saya tak tahu apa yang dibincangkan kerana saya bersama tujuh anak lain hanya berdiam diri di rumah.

"Saya tak berani memerhati apa yang mereka lakukan dan kira-kira 10 minit selepas itu, saya terdengar suami saya mengerang kesakitan sebelum diikuti deruman motosikal meninggalkan rumah saya.

"Saya bergegas keluar dan terkejut apabila mendapati suami luka parah di seluruh badan akibat disimbah cecair dipercayai cuka getah," katanya.

Adik iparnya turut terkena cecair itu sebelum Saraswathy membawa mereka ke HM.

Menurutnya, disebabkan sering diganggu remaja itu, suaminya tidak membenarkan anak gadis mereka berkawan dengannya.

"Kerana takut dengan remaja terbabit, anak saya sudah dua bulan tidak ke sekolah kerana khuatir diganggu," katanya.

Setiausaha Khas (Kebajikan dan Hal Ehwal Awam) kepada Ketua Menteri, M S Mahadevan, menziarahi Santhanasamy di HM, semalam.

Beliau berkata, enam anak mangsa yang masih bersekolah akan mendapat bantuan Tabung Pendidikan Negeri Melaka (Tapem) serta bantuan kebajikan berikutan keluarga terbabit kini tiada sumber pendapatan selepas suami dirawat di HM.

"Pihak Jabatan Ketua Menteri juga akan mendapatkan maklumat lanjut daripada pihak polis berhubung perkara itu," katanya.